

Tunggakan sewa rumah ekoran penghuni tiada pekerjaan

## Penyewa PA, PPR hutang RM58j



DBKL merekodkan hutang penyewa di PA dan PPR sejak puluhan tahun berjumlah RM58 juta.

**KUALA LUMPUR** – Tunggakan bayaran sewa di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kini berjumlah RM58 juta, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad.

Menurutnya, tunggakan itu yang dikenal pasti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) puluhan tahun dahulu masih tidak menemui penyelesaiannya dan antara alasan utama penyewa adalah tidak mempunyai pekerjaan untuk membayar sewa.

"DBKL sekarang tunggakannya RM58 juta. Ini bukan dalam setahun sejak Pakatan Harapan (PH) ambil alih, ini dah banyak tahun dah benda ni tak selesai-selesai.

"Jadi bila kami (PH) ambil alih, kami tak nak gunakan pendekatan mengejut, kami cuba selesaikan masalah ini dulu.

"Kami beri tempoh dalam tiga atau enam bulan (untuk penduduk bayar sewa), kita tengok," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Inisiatif Wilayah Peduli (Komuniti Sejahtera) di PA



KHALID



MAZLAN

Selain Karnival Kerjaya, DBKL turut merintis dua lagi program iaitu Program Sayangi Komuniti dan Program 1 Rumah 1 Graduan juga bermula di PA Desa Rejang.

Sementara itu, Mazlan memberitahu, sebanyak 38 unit PPR sekitar Kuala Lumpur akan diberikan kepada pihak polis untuk menempatkan anggotanya dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di kawasan perumahan terbabit, dalam masa terdekat.

Katanya, fasa pertama membabitkan sebanyak 27 unit PPR dengan nilai sewaan yang telah ditetapkan.

"Langkah ini bertujuan meningkatkan keselamatan, kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat setempat dengan kerjasama pelbagai agensi.

"Melalui program ini juga, sebarang maklumat berkaitan jenayah di kawasan PPR dapat disalurkan dan diambil tindakan dengan lebih pantas," jelasnya.

Antara PPR yang terlibat ialah PPR Seri Selangor, PPR Seri Alam, PPR Seri Sabah, PPR Desa Rejang, PPR Air Panas dan PPR Intan Baiduri.

Desa Rejang di sini semalam.

Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim.

Khalid memberitahu, DBKL merintis program Karnival Kerjaya dalam usaha membantu penduduk PA dan PPR menyelesaikan kemelut bayaran tunggakan sewa rumah.

Karnival Kerjaya itu adalah dengan kerjasama Jobs Malaysia yang akan turun untuk bertemu dengan penduduk dan membantu mencari peluang pekerjaan yang sesuai.